

# Sultan Perak dahulu penerima pingat

» Seramai 812 terima anugerah sempena Keputeraan ke-67 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan

Oleh Tuty Haryanti  
Ahmad Rodzi  
tuty@bh.com.my

■ Seremban

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, menghulainya senarai 812 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat, sempena ulang tahun Hari Keputeraan ke-67 Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir, hari ini.

Baginda akan menerima Darjah Kerabat Negeri Sembilan (DKNS).

Bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman dan bekas Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang pertama, Tan Sri Dr Mohd Rashdan Baba, pula akan menerima Anugerah Darjah Seri Utama Negeri



Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menerima Darjah Kerabat Negeri Sembilan (DKNS).

Sembilan (SUNS) yang membawa gelaran Datuk Seri Utama. Darjah Seri Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Terbilang (SSTM) yang membawa gelaran Datuk Seri, akan dianugerahkan kepada Tengku Syarif Bendahara Perlis, Datuk Seri Diraja Syed Badarudin Jamalullail ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail.

Darjah Seri Setia Negeri Sembilan Yang Amat Cemerlang (SSNS) yang diperkenalkan tahun ini, yang membawa gelaran Datuk Seri, dianugerahkan kepada

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek serta Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Sime Darby, Tan Sri Mohd Bakke Salleh.

Seramai 12 orang menerima Darjah Dato' Paduka Negeri Sembilan (DPNS) yang membawa gelaran Datuk, termasuk dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO), L Manickam dan Tun Hairudin Abu Bakar; Ahli Parlimen Jelebu, Zainuddin Ismail; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



Mohd Rashdan Baba

Kumpulan Maybank, Datuk Abdul Farid Alias.

Enam orang menerima anugerah Darjah Setia Tuanku Muhriz Yang Amat Gemilang (DSTM) yang membawa gelaran Datuk, termasuk isteri Pengerusi Kumpulan Ambank, Tunku Arishah Tunku Maamor.

Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan (DBNS) yang membawa gelaran Datuk, dianugerahkan kepada 25 penerima termasuk Pengerah Audit Johor, Abd Wahab Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah MARDI, Dr Azizan Ab Rashid.

Turut menerima DBNS ialah Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor,



Hasan Malek

Senior Asisten Komisioner Hasannuddin Hassan; Timbalan Naib Canselor UKM, Prof Dr Riza Atiq Abdullah O K Rahmat; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS), Selamat Paigo dan Ketua Jabatan Pediatrik Hospital Ampang, Dr Zuraidah Abd Latif.

Seramai 43 orang menerima Darjah Setia Negeri Sembilan (DNS), Darjah Tuanku Muhriz (satu), Darjah Pekerti Terpilih (16), Ahli Setia Negeri Sembilan (94), Setiawan Tuanku Muhriz (dua), Pingat Khidmat Cemerlang Masyarakat (223), Pingat Jasa Kebaktian (353), Pingat Khidmat Lama (22) dan Bentara Tuanku Muhriz (sembilan).